

Pengamalan *al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah* Sebagai Motivasi Spiritual Bagi Penagihan Dadah

The Practice of al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah as a Spiritual Motivation for Drug Addiction

Nursyahidah Ibrahim

Department of Da'wah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
syahidah771@um.edu.my

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

Department of 'Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
smhilmi@um.edu.my

Muhammad Hazim Mohd Azhar

Department of 'Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
hazimazhar2016@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no1.5>

Abstract

The statistics of drug abuse in the country is always at worrying levels. Various methods have been employed by the government and other parties in preventing and treating this problem. Among of the treatment for drug addiction is through the approach of sufism by implementing the practice in al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah through the emphasis on the needs and the methods of spiritual motivation. By applying the interview method and descriptive analysis, this study was conducted at Pondok Remaja Inabah Kuala Nerang to obtain informations on drug addiction treatment methods via the practice of Ṭarīqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah. Managers or practitioners as well as four trainees were interviewed to obtain more detailed regarding the information on the methods and also on the experiences of the trainees which is has been exposed to this method of spiritual motivation. This study found that the spiritual aspect using the methodology of al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah taken by practitioners of Ṭarīqah Qādiriyyah wa Naqshabandiyyah is able to be an alternative or complementary treatment to existing drug addiction rehabilitation treatment in addition to developing human personality. Mandi taubat, solat and zikir are the three main motivational stimulant practices in the treatment of drug addiction.

Keywords: *al-Tariqah; sufism; Qadiriyyah wa Naqsyabandiyah; Pondok Remaja Inabah; drug addiction treatment*

Abstrak

Statistik penyalahgunaan dan penagihan dadah di negara sentiasa di tahap membimbangkan. Pelbagai kaedah telah diusahakan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak lain dalam usaha mencegah dan merawat masalah ini. Antara alternatif rawatan bagi penagihan dadah adalah melalui pendekatan tasawuf dengan mengimplementasikan pengamalan dalam *al-Tariqah al-Sufiyyah* melalui penekanan keperluan dan kaedah motivasi spiritual. Dengan mengaplikasikan kaedah temu bual dan analisis deskriptif, kajian ini dijalankan di Pondok Remaja Inabah (PRI), Kuala Nerang bagi mendapatkan maklumat mengenai kaedah rawatan penagihan dadah melalui amalan *Tariqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah*. Pengurus atau pengamal serta empat orang pelatih ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang lebih rinci terhadap kaedah dan juga pengalaman para pelatih yang didedahkan dengan kaedah motivasi spiritual ini. Kajian ini mendapati aspek kerohanian melalui metodologi *al-Tariqah al-Sufiyyah* seperti pendekatan yang diambil oleh pengamal *Tariqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah* ini mampu menjadi rawatan alternatif atau pelengkap kepada rawatan pemulihan penagihan dadah sedia ada di samping membangunkan sahsiah diri manusia. Mandi taubat, solat dan zikir merupakan tiga amalan utama peransang motivasi dalam rawatan penagihan dadah yang diamalkan.

Kata kunci: *al-Tariqah; tarekat; tasawuf; Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah; Pondok Remaja Inabah; rawatan penagihan dadah*

Pendahuluan

Penyalahgunaan dadah dianggap musuh utama negara dan masalah penagihannya merupakan antara penyakit sosial yang semakin membimbangkan. Ia telah lama berakar umbi dalam kalangan masyarakat terutamanya anak-anak muda masa kini yang menjadi penyumbang terbesar kepada statistik penagih dadah di Malaysia saban tahun. Apa yang lebih parah ia turut menjadi faktor kepada masalah jenayah yang lain.

Berdasarkan kepada data yang dikemas kini daripada laman web rasmi Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), secara keseluruhannya jumlah penagih dadah yang dikesan di Malaysia meningkat pada setiap tahun bermula daripada tahun 2013 sehingga tahun 2016. Pada tahun 2017 pula menunjukkan sedikit

penurunan jumlah kes, tetapi masih dikategorikan sebagai satu jumlah yang besar.¹ Tahun 2019 pula berlaku peningkatan kes dengan jumlah 142,199 kes berbanding pada tahun 2018 dengan jumlah 130,788 kes.² Data terkini dalam tempoh masa enam bulan pada tahun 2020 pula mencatatkan seramai 95,505 orang yang terlibat dengan kes penyalah guna dan penagihan dadah melibatkan 91,466 orang lelaki dan 4,039 orang perempuan.³

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi menangani masalah penagihan dadah ini. Pihak kerajaan sendiri telah membelanjakan banyak kos bagi mencegah dan merawat masalah ini. Dari tahun 2011 hingga 2016 sahaja, pihak kerajaan telah menanggung sebanyak RM778.5 juta untuk kos merawat penagih dadah di 57 buah pusat pemulihan seluruh negara.⁴ Dengan kiraan lebih spesifik, kos anggaran rawatan bagi setiap seorang penagih adalah bersamaan RM35 sehari.⁵

Di pihak pengurusan yang terlibat secara langsung mengurus penagih-penagih dadah telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti berdasarkan modul-modul yang pernah dicadangkan menyentuh aspek pengurusan dan pembangunan keperluan aspek fizikal, mental dan spiritual. Dalam pada itu, apa yang menarik dari pelbagai modul tersebut, Pondok Remaja Inabah (PRI) mempunyai kaedah rawatannya yang tersendiri dengan menekankan motivasi spiritual berbentuk amalan-amalan *al-Tarīqah* dalam tasawuf.

Tasawuf sendiri mempunyai hubungan dengan konsep dan gerakan dakwah yang memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah asasi manusia sebagai hamba dan khalifah Allah melalui

¹ Mohd Naim, "Statistik Dadah 2010–2016," laman sesawang *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-penyalahgunaan-dadah.

² "Statistik Dadah; Penyalah Guna dan Penagih Dadah serta Bahan 2018-2019," laman sesawang *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*, <https://www.adk.gov.my/en/public/drugs-statistics/>.

³ "Statistik Dadah; 2020 (6 Bulan)," laman sesawang *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*, <https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>.

⁴ Kosmo Online, "Kos Rawat Penagih RM778 Juta," http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0414&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_01.htm

⁵ Mstar, "RM35 Sehari Rawat Seorang Penagih Dadah - KDN," <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/03/31/rm35-sehari-rawat-penagihdadah/#Ydxw8OMopWT76pbT.99>

didikan kerohanian bertunjangkan ketauhidan.⁶ Artikel ini akan membincangkan keperluan dan kaedah motivasi spiritual kepada para penagih dadah yang dijalankan di Pondok Remaja Inabah dengan menumpukan kepada tiga amalan khusus daripada *Tariqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyah*. Pengurus atau pengamal serta beberapa pelatih ditemui bual bagi mendapatkan maklumat yang lebih rinci terhadap kaedah dan juga pengalaman para pelatih yang didedahkan dengan kaedah motivasi spiritual ini.

Keperluan Rawatan Psikospiritual Sebagai Rawatan Alternatif Penagihan Dadah

Menurut Muhammad Yusuf Khalid, kehidupan kerohanian yang kukuh bukan hanya dapat mencegah seseorang itu daripada terlibat dengan dadah, malah boleh memberi rawatan dan pemulihan yang berkesan untuk penagih dadah. Dalam kalangan masyarakat Melayu, isu penagihan dadah menjadi masalah yang sangat serius. Lebih daripada 70% penagih dadah di Malaysia terdiri daripada mereka yang beragama Islam.⁷ Persoalannya, adakah mereka sekadar seorang Muslim dari sudut gelaran sahaja atau Muslim yang mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan?

Pihak kerajaan Malaysia telah membelanjakan sejumlah besar kewangan negara bagi menyediakan dan menyelenggara pusat-pusat pemulihan di seluruh negara. Implikasi buruk daripada aktiviti penagihan dadah ini juga telah menimbulkan berbagai masalah sosial dan kes-kes jenayah yang memberikan ancaman besar kepada negara.

Pelbagai pendekatan dan inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan dan juga swasta bagi menyelesaikan masalah penagihan dadah ini. Sebagai contoh, pihak kerajaan telah mendirikan pusat-pusat serenti di seluruh negara yang secara umumnya menggunakan lima jenis metode pemulihan bagi menangani masalah ini iaitu Program Rawatan dan Pemulihan Desa Terapi

⁶ Badlihisam Mohd Nasir dan Othman Haji Talib, "Tasawuf dalam Gerakan Dakwah Tanahair," *Jurnal Usuluddin* 18 (2003), 2.

⁷ Muhammad Yusuf Khalid, "Psycho-Spiritual Therapy Approach for Drug Addiction Rehabilitation," *Jurnal Antidadah* (2008), 143-151.

Kerja, Terapi Kekeluargaan, Terapi Psikososial, Terapi Keinsafan Diri dan Terapi Waja Insan.⁸

Pihak swasta pula seperti Pengasih dan Pusat Pemulihan Jagaan dan Rawatan di bawah kelolaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menggunakan metode pemulihannya yang tersendiri. Di samping itu, tidak kurang juga wujudnya Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) sebagai sebuah institusi pemulihan penagihan dadah yang dikendalikan oleh individu perseorangan atau pertubuhan NGO dan syarikat yang berteraskan kepada keagamaan.

Namun begitu, isu penyalahgunaan dadah ini masih lagi tidak dapat dibendung dengan jayanya. Ramai dalam kalangan bekas penagih dadah yang telah mendapat rawatan di pusat-pusat serenti dan pusat rawatan yang lain kembali menagih dadah lagi. Kaedah rawatan yang dijalankan terhadap penagih dadah boleh dikatakan kurang memberikan hasil yang terbaik. Dari suatu sudut, usaha penambahbaikan perlu dilaksanakan agar rawatan yang disediakan bersifat holistik dan lebih berkesan. Cadangan rawatan berbentuk sokongan psikospiritual perlu diberi perhatian dan diperkasakan.

Strategi pencegahan dadah dapat diimplementasikan melalui pembinaan daya tahan diri yang bermuara kerohanian berpaksi pada penghayatan akidah. Ia mengandungi elemen kefahaman, perasaan dan amalan seterusnya membentuk akhlak dan peribadi yang murni.⁹ Impak positif dalam pemulihan dadah juga dapat dilihat melalui beberapa elemen psikospiritual seperti amalan berdoa, berzikir dan solat. Amalan zikir misalnya berupaya merawat jiwa pesakit dan menghindarkan diri dari relaps.¹⁰

Model-model terapi pemulihan penagihan dadah berdasarkan prinsip psikospiritual Islam pernah dinilai dan diolah agar ia bersesuaian dengan masalah penagihan dadah. Misalnya pelaksanaan model *mujāhadah al-nafs* dengan menekankan empat

⁸ Muhamar Yazil Mahmud, "Program Rawatan dan Pemulihan Dadah di Pusat Serenti," *Malaysian Journal of Social Administration* 2 (2003), 67.

⁹ Rosni Waziret., et. al., "Pencegahan Dadah dalam Kalangan Belia Berisiko Melalui Elemen Penghayatan Akidah," *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 5, No. 2 (2020), 421.

¹⁰ Mohd Hefzan dan Muhammad Nubli, "Pembangunan Model Rawatan Psikospiritual Untuk Meningkatkan Ciri Kepulihan Orang Kena Pengawasan: Satu Tinjauan Literatur," *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, Issue 5, Vol. 1 (2019), 74.

aspek; 1) kawalan anatomi jasmani manusia; 2) penyingkiran elemen negatif; 3) penerapan dan pemantapan elemen positif; dan 4) penstabilan dan penyerahan diri.¹¹ Justeru, pengamalan *al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah* dilihat berkeupayaan menjadi medium pencetus motivasi buat individu mengawal ketagihan dadah atau sekurang-kurangnya menjadi alternatif atau penambahbaikan kepada kaedah rawatan sedia ada.

Pengamalan *al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah* Sebagai Rawatan Psikospiritual Bagi Penagihan Dadah

Perkataan *al-Ṭarīqah* (الطريقة) berasal dari bahasa Arab yang terbentuk dari kata akar (طرق). Ia membawa maksud jalan, metode, kaedah atau cara. Kata tersebut telah berasimilasi dalam bahasa Melayu dengan menggunakan perkataan “Tarekat”. Menurut al-Jurjānī, *al-Ṭarīqah* bermaksud perjalanan atau cara khusus para salik mendapatkan jalan pintas dan singkat dalam pendakian maqam.¹² Oleh kerana itu, perkataan *al-Ṭarīqah* kebiasaannya disandarkan dengan kata *al-Ṣūfiyyah* yang bermaksud kesufian atau tasawuf.

Kelahiran ilmu tasawuf secara disiplin pula dikenalpasti melalui kelahiran individu-individu yang lebih menumpukan kehidupan akhirat, sehingga aspek ibadah sentiasa menghiasi kehidupan seharian serta pengabaian keasyikan duniawi.¹³ Matlamat tasawuf menurut Hamka adalah bertujuan mensucikan jiwa, mendidik serta memperbaiki akhlak dan budi pekerti dengan menjauhi ketamakan serta memerangi syahwat yang berlebihan dari dalam diri.¹⁴

¹¹ Amin M. Z. M., Mohd Saiful Amri dan Abdulloh Salaeh, “Peranan Mujahadah dalam Terapi Psiko Spiritual: Analisis Terhadap Model Rawatan Penagihan Dadah Berlandaskan Quran dan Sunnah” (Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019) anjuran FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 8-9 Oktober 2019), 520-523.

¹² ‘Alī bin Muḥammad al-Sayyīd al-Sharīf al-Jurjānī, *Mu’jam al-Ta’rīfāt* (Kaherah: Dar al-Faḍīlah, 1993), 119.

¹³ H. Muzakir, “Tasawuf dalam Kehidupan Kontemporari: Perjalanan Neo-Sufisme,” *Jurnal Usuluddin* Vol. 26 (2007), 64.

¹⁴ Abdul Rouf dan Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, “Tafsir Al-Azhar dan Tasawuf Menurut Hamka,” *Jurnal Usuluddin* 38 (2013), 14.

Dalam bahasa Melayu, perkataan “Tarekat” sendiri sudah mempunyai konotasi makna sufi atau tasawuf. *Kamus Dewan Edisi Keempat* menyenaraikan beberapa makna dari perkataan “Tarekat” iaitu; i) jalan untuk mencapai kebenaran dalam tasawuf; ii) tata tertib hidup yang mengikut peraturan agama atau ilmu kebatinan; dan iii) perkumpulan penuntut ilmu tasawuf.¹⁵

Maka *al-Tarīqah al-Ṣūfiyyah* yang dimaksudkan merupakan jalan yang perlu ditempuhi oleh para sufi untuk mendekati diri kepada Allah yang berhubungan dengan amalan-amalan atau latihan-latihan kerohanian dengan kaedah-kaedah tertentu. Ia turut difahami sebagai sebuah kumpulan atau organisasi yang didirikan menurut aturan yang telah ditetapkan oleh seorang *Shaikh* yang menganut suatu aliran *al-Tarīqah al-Ṣūfiyyah* tertentu.¹⁶

Dalam konsep *al-Tarīqah al-Ṣūfiyyah*, terdapat beberapa istilah penting yang perlu diambil berat iaitu, i) *Shaikh* atau *Murshīd* bermaksud guru *Tarīqah*; ii) *Khalifah* bermaksud wakil *Shaikh*; iii) *Salik* atau *Murid* bermaksud pejalan atau pengikut ajaran suatu *Tarīqah*; iv) *Bay'ah* bermaksud perjanjian atau sumpah setia murid kepada gurunya; v) *Waṣīlah* atau *Rabīṭah* bermaksud perantara guru (shaikh) dengan muridnya; dan vi) *Sulūk* bermaksud pengamalan amalan yang telah diterima dari guru.

Adalah amat penting untuk memahami bahawa *al-Tarīqah al-Ṣūfiyyah* yang ditempuhi oleh para sufi atau salik mestilah berpangkalan dari syariat kerana jalan utama disebut *shara'*, manakala anak jalan disebut *tariq*. Perkara ini memberi konotasi makna perjalanan kerohanian tersebut mestilah dipicu dari ketaatan pelaksanaan perintah dan peninggalan larangan Tuhan.¹⁷

¹⁵ Kamus Dewan Edisi Keempat, “Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM),” Laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka*, entri “tarekat”. Pautan; <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tarekat>.

¹⁶ Muh. Gitosaroso, *Syari'at dan Tarekat dalam Perspektif Jama'ah: Studi atas Jama'ah Tarekat Haq Naqsyabandiyah di Kota Pontianak* (Pontianak: IAIN Pontianak, 2017), 26. Lihat juga; Bachrun Rif'i dan Hasan Mud'is, *Filsafat Tasawuf* (Bandung: Pustaka Setia, 2010), 233-235.

¹⁷ Muh. Gitosaroso, *Syari'at dan Tarekat dalam Perspektif Jama'ah: Studi atas Jama'ah Tarekat Haq Naqsyabandiyah di Kota Pontianak* (Pontianak: IAIN Pontianak, 2017), 25. Lihat juga; M. Solihin dan Rosihon Anwar, *Akhlaq Tasawuf* (Bandung: Pustaka Setia, 2011), 203.

Oleh kerana itulah, kita dapat melihat penegasan daripada Junayd al-Baghdādī yang menyatakan bahawa *al-Ṭarīqah* yang meninggalkan dasar ajaran Rasulullah SAW tidak akan memperoleh keberhasilan kerana *al-Ṭarīqah* sendiri adalah bersumberkan ajaran Rasulullah SAW.¹⁸ *Al-Ṭarīqah* yang benar berperanan berdakwah ke jalan Allah, menyebarkan ilmu agama, mentarbiah masyarakat serta menghakis perbuatan bid'ah, khurafat dan amalan-amalan adat yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti yang dilakukan oleh Haji Muhammad Sa'id.¹⁹

Sebagai batas kajian, penulisan ini akan memberi tumpuan kepada *Ṭarīqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah* yang merupakan suatu *Ṭarīqah* hasil gabungan antara dua buah *Ṭarīqah* yang besar iaitu *Ṭarīqah Qadiriyyah* dan *Ṭarīqah Naqshabandiyyah*. Pengasas *Ṭarīqah* ini ialah seorang alim sufi kelahiran Indonesia yang merupakan shaikh besar di Masjid al-Haram bernama Ahmad Khātib Ibn 'Abd al-Ghaffaār al-Sambasi al-Jāwī (1802-1872).²⁰

Pada asalnya *Ṭarīqah* ini bukan sahaja gabungan daripada dua *Ṭarīqah* tersebut sahaja, tetapi ia merupakan gabungan dan penyesuaian dari lima buah *Ṭarīqah* iaitu *Ṭarīqah Qadiriyyah*, *Ṭarīqah Naqshabandiyyah*, *Ṭarīqah Anfasiyyah*, *Ṭarīqah Junaydiyyah* dan *Ṭarīqah Muwafaqah*.²¹ Oleh kerana penekanan yang diberikan adalah kepada metode kedua tarekat tersebut, maka ia dinamakan dengan *Ṭarīqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah*. Gabungan dua buah *Ṭarīqah* tersebut mempunyai intipati ajaran yang saling melengkapi khususnya pada amalan zikir melalui

¹⁸ Nordi Archie, *Fitnah Sufi: Fatamorgana Tasawuf Fenomena Tarekat* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2012), 62.

¹⁹ Che Zarrina Saari, "Haji Muhammad Sa'id Bin Jamaluddin al-Linggi: Amalan dan Sumbangannya dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia, *Jurnal Usuluddin* 15 (2002), 24.

²⁰ Ami Kamiludin, "Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah di Indonesia: Kajian di Pesantren Suryalaya, Indonesia" (Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 1.

²¹ Nur Anom Mubarak, *Suryalaya dalam Lintasan Sejarah* (Tasik malaya: IAILM, 1990), 16.

kesepaduan metode *Zikr Jahar* dari *Tarīqah Qadiriyyah* dengan metode *Zikr Khaḥfī* dari *Tarīqah Naqshabandiyyah*.²²

Tarīqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah telah menjadi satu pegangan tarekat di Pondok Remaja Inabah (PRI) iaitu sebuah pusat rawatan persendirian yang menawarkan perkhidmatan pemulihan penagihan dadah dan masalah sosial yang lain.²³ PRI yang diterajui oleh Haji Mohd Zuki bin Shafie dirasmikan di Kedah pada tahun 1986 di rumah pengasas itu sendiri iaitu di No 14 A, Kampung Pulau Bidin, Mukim Telaga Emas, Alor Setar, Kedah. PRI telah menjadi ahli anggota NGO di bawah Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) semenjak tahun 1991. Pada tahun 1996 pula, PRI telah berpindah ke Jabal Suf, Kg. Paya, Mukim Padang Temak, Kuala Nerang. Dua tahun kemudian, pada tahun 1998, PRI telah didaftarkan di bawah Kementerian Dalam Negeri sebagai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian. Terkini, bangunan asrama Inabah yang baru telah dibina di PRI Kuala Nerang bagi menampung kapasiti sekitar 200 orang anak-anak bina di sana. PRI Kuala Nerang ini merupakan Inabah yang terbesar di Malaysia. Di Malaysia, terdapat empat buah cawangan Inabah iaitu di Kedah, Terengganu, Sabah dan Negeri Sembilan.²⁴

Kaedah pemulihan dan rawatan yang digunakan di PRI berkesan merawat enam aspek pada diri manusia iaitu fungsi psikologi, diri sendiri, sokongan sosial, perubahan tingkah laku, sikap dan tekanan hidup. Upaya psikologi anak bina juga lebih meningkat pada aspek kawalan perasaan, keupayaan kognitif, daya ingatan dan keupayaan berhujah.²⁵ Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Sudirman mendapati sebanyak 61% dalam

²² Ami Kamiludin, "Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah di Indonesia: Kajian di Pesantren Suryalaya, Indonesia" (Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 1.

²³ Nursyahidah, Syed Mohammad Hilmi dan Muhammad Hazim, "Pengamalan Tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah (TQN) Dalam Tasawuf Sebagai Rawatan Psikospiritual bagi Penagihan Dadah dan Alkohol," *Jurnal Qalbu* 5.7 (Jun 2018): 163-189

²⁴ Mohd Zuki bin Shafie (Pengasas Pondok Remaja Inabah (PRI), Kuala Nerang, Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 7 Oktober 2017.

²⁵ Mahmood Nazar Mohamed, Md Shuaib Che Din dan Ismail Ishak, "Traditional Methods in Rehabilitating Psychotiv Drug Pependents in Malaysia: An Alternative Modality" (Paper presented at the Korean Psychological Association 50th Anniversary Conference, Seoul, South Korea, 27-29 June 1996).

kalangan anak bina telah pulih selepas menjalani rawatan pemulihan berasaskan metode Inabah.²⁶

Sebagaimana yang dinyatakan, bentuk rawatan yang dilaksanakan adalah berasaskan amalan-amalan dalam *Tariqah* yang dikembangkan kepada aplikasi yang berpotensi menjadi pemacu motivasi spiritual bagi masalah penagihan dadah. Tiga amalan utama yang menjadi motivasi bagi penagihan dadah adalah mandi taubat, solat dan zikir.

i- Mandi Taubat

Pelaksanaan kaedah ini bermula dengan mandi taubat sebanyak 40 gayung pada setiap pagi yang bermula seawal jam 3.00 pagi selama empat puluh hari berturut-turut. Setiap gayung itu dibacakan doa tertentu. Bacaan doa ini diambil di dalam surah al-Mukminun ayat ke-29 iaitu:

وَقُلْ رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُّبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ

al-Mu'minūn 23:29

Terjemahan: Dan berdoalah dengan berkata: Wahai Tuhanku, turunkan lah daku di tempat turun yang berkat dan Engkau adalah sebaik-baik pemberi tempat.

Mandi taubat ini merupakan suatu terapi yang menjadi ubat kepada masalah ketagihan dadah dalam kalangan anak-anak bina di PRI. Melalui proses rawatan ini, pembuluh darah anak-anak bina akan mengecut pada permukaan tubuh dan merangsang pengaliran darah ke otak, jantung dan hati yang seterusnya menghasilkan perasaan tenang serta membunuh asid-asid dadah yang berada di dalam tubuh pesakit.²⁷ Mereka akan mandi taubat secara beramai-ramai iaitu lebih kurang seramai 20 orang anak-anak bina pada satu masa di sebuah kolah besar yang dibina khas oleh pihak pondok. Pada hari pertama, anak bina akan dimandikan oleh pengasas PRI itu sendiri iaitu Pak Guru Hj. Mohd Zuki As-Sujjak bin Shafie. Pada hari berikutnya pula, anak-anak bina dimandikan oleh pegawai-pegawai di PRI sehingga hari yang ke-

²⁶ Sudirman Abdul Fatah, "Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu" (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaysia Terengganu, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, 2009), 41.

²⁷ Mohd Zuki bin Shafie (Pengasas Pondok Remaja Inabah (PRI), Kuala Nerang, Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 7 Oktober 2017.

40. Selepas hari yang ke-40, baru lah anak-anak bina menjalani proses mandi taubat itu sendiri.

ii- Solat: Solat Fardu dan Solat Sunat

Solat merupakan rukun dan tiang agama yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang mukallaf. Ia menjadi paksi utama keimanan seseorang mukmin. Solat yang dimulai dengan berwuduk mempunyai banyak hikmah dan keistimewaannya yang tersendiri dari sudut sains mahupun agama sehingga mampu memberikan impak yang positif terhadap kesihatan manusia. Oleh kerana itulah, solat bukan sahaja menjadi rukun yang wajib dilaksanakan oleh setiap mukallaf pada setiap hari, malah ia merupakan salah satu program utama dan wajib dilakukan oleh setiap anak-anak bina di PRI sebagai salah satu kaedah rawatan penagihan dadah. Anak-anak bina menunaikan solat sebanyak lebih kurang 94 rakaat pada setiap hari di PRI. Ia merangkumi solat fardu dan solat-solat sunat yang lain seperti solat sunat *tasbih*, *witr*, *isyraq*, *rawātib* dan sebagainya. Menurut Pak Guru, solat sunat pertama dilaksanakan selepas sahaja proses rawatan mandi taubat selesai lebih kurang pada jam 4.00 pagi. Anak-anak bina akan berkumpul di surau dan mereka akan berjiamullail secara berjemaah. Solat sunat berjemaah dimulai dengan solat sunat *taḥiyyah al-masjīd* dan solat *sunat tawbah* sebanyak dua rakaat. Kemudian, solat sunat *tahajjud* sebanyak 12 rakaat, solat sunat *qabliyyah*, solat sunat *li daf'i al-balā'* (menolak bala), solat sunat *istikhārah* dan solat sunat *duḥa*. Di samping itu, terdapat pengisian lain seperti zikir, *tarhib*²⁸ dan *khataman*²⁹ di antara solat-solat yang dilakukan.

iii- Zikir: Zikir *Jahar* dan Zikir *Khafī*

Dalam pengamalan zikir *Ṭarīqah Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah*, mereka mengamalkan dua jenis zikir yang merupakan gabungan zikir *jahar* oleh *Ṭarīqah Qadiriyyah* dan

²⁸ Metode *tarhib* adalah pendidikan dengan menyampaikan berita buruk atau ancaman kepada anak-anak bina melalui lisan mahupun tulisan.

²⁹ *Khataman* ialah salah satu pengisian dalam rawatan dan pemulihan. *Khataman* merupakan pengisian mingguan yang mana di dalamnya terkandung bacaan aurd dan doa-doa sebagai wirid khusus untuk diamankan oleh anak-anak bina.

zikir *khafī* oleh *Tarīqah Naqshabandiyyah*. Pak Guru menjelaskan bahawa metode zikir ini bersumber daripada Nabi Muhammad SAW. Tatacara zikir keras (*jahar*) iaitu zikir *nafi ithbat* dengan mengucapkan kalimah “*Lā ilaha illā Allāh*” dengan keras dan dihentak-hentakkan. Dengan rincian, ucapan “*Lā*” pertama ditarik dari pusat ke ubun-ubun di kepala, seterusnya ucapan “*Ilaha*” dibaringi gerakan kepala miring ke kanan dan ucapan “*Illā Allāh*” dibaringi gerakan kepala miring ke kiri dengan dihentakkan ke jantung di dada kiri. Para ahli *Tarīqah* menyatakan cara tertentu untuk mengucapkan kata pada kalimah “*Lā ilaha illā Allāh*” iaitu zikir di tengah badan, di sebelah kanan badan dan di sebelah kiri badan. Ketiga-tiga titik itu adalah tiga titik tempat syaitan mengerahkan serangannya.

Setelah zikir secara *jahar*, diajarkan juga zikir perlahan (*khafī*) iaitu zikir *Ism Dhāt* yang dilaksanakan dalam hati sehingga tidak terdengar. Dalam pengajaran zikir ini atau disebut sebagai *tawājūh*,³⁰ anak-anak bina memejamkan mata, kepala tunduk miring ke bahagian dada sebelah kiri, lidah ditekan ke langit-langit mulut, bibir dirapatkan sambil mengucapkan kalimah “*Allahu Allah, Allahu Allah, Allahu Allah, Allahu Allah, Allahu Allah*” secara terus menerus. Pak Guru memerintahkan anak-anak bina untuk mengamalkannya pada setiap waktu terutama setelah selesai solat fardu sebanyak 165 kali untuk zikir *Jahar* dan sebanyak-banyaknya serta tidak terikat waktu untuk zikir *khafī*. Beliau menjelaskan bahawa bilangan zikir *jahar* sebanyak 165 kali itu adalah mewakili 1=Ihsan, 6=Iman, 5=Islam.

Pengalaman Menjalani Rawatan

Setelah dijelaskan tentang tiga kaedah rawatan asas pemulihan penagihan dadah di Pondok Remaja Inabah berasaskan amalan *al-Tarīqah*, penulis menemu bual empat orang anak bina di sana yang berlainan latar belakang mewakili responden pelatih-pelatih yang lain. Perbincangan berkenaan pengalaman mendapat motivasi dan rawatan penagihan dadah ini menyentuh serba

³⁰ *Tawājūh* berasal daripada perkataan arab yang bermaksud penumpuan diri (akal, fikiran, perasaan) kepada Allah; memusatkan (menumpukan, mengarahkan) segenap fikiran dan lain-lain kepada tuhan.

ringkas mengenai latar belakang diri responden dan pencapaian keberkesanan kaedah rawatan penagihan dadah pada diri sendiri.³¹

• Responden 1

Responden 1 berumur 31 tahun dan masih bujang. Beliau baru sahaja sebulan lebih menjalani rawatan pemulihan di PRI. Beliau merupakan anak yang kedua daripada empat orang adik beradik dan berasal dari Perlis. Beliau mula terjebak dengan gejala penagihan dadah ini ketika berusia 18 tahun sewaktu bersekolah di tingkatan enam kerana terpengaruh dengan kawan-kawannya. Bermula episod hitam dalam sejarah hidupnya, pada suatu hari beliau telah diajak oleh seorang rakannya ke suatu tempat yang tidak diketahui. Lalu setibanya di sana, beliau telah melihat rakan tersebut sedang menghisap dadah dan beliau pun dengan sengaja mencuba mengambil dadah tersebut sehinggalah beliau berasa ketagih untuk menghisapnya lagi. Menyoroti kembali sejarah hidupnya, beliau pernah bekerja sebagai seorang pembantu am di sebuah pusat dialisis sebelum memasuki PRI. Namun sebelum daripada itu, beliau pernah bekerja di beberapa tempat yang lain tetapi telah berhenti kemudiannya bekerja kembali dan berhenti semula. Begitulah kehidupannya dari semasa ke semasa kerana beliau tidak tahan dengan tekanan yang dialami di tempat kerja. Maka oleh sebab itu, tidak dapat dinafikan bahawa tekanan di tempat kerja juga merupakan salah satu faktor yang mendorong beliau untuk terus mengambil dadah sebagai salah satu cara untuk menghilangkan tekanan hidupnya.

Mujur sahaja kedua ibu dan bapanya yang merupakan guru pencen bersikap sangat positif dan mengambil pendekatan yang bijak dalam menghadapi masalah anak mereka. Mereka tidak putus-putus memberi dorongan dan sokongan agar beliau tekad untuk berhenti menagih dadah sehingga akhirnya mereka bersepatat untuk menghantar beliau ke Pondok Remaja Inabah yang sebelumnya tidak pernah memasuki mana-mana pusat

³¹ Lazimnya keberkesanan sesuatu rawatan dan pemulihan dirujuk kepada sejauh mana matlamat program berkenaan tercapai. Kayu ukur yang selalu digunakan ialah pengurangan penggunaan dadah, pengurangan insiden kelakuan jenayah dan sebagainya. Namun, hal yang demikian bukanlah suatu perkara yang mutlak kerana ramai penagih yang masih mengalami *slips and relaps* jangka masa pendek.

rawatan termasuklah pusat serenti. Galakan dan nasihat yang berterusan daripada ahli keluarga juga sangat berperanan penting sebagai suatu usaha memujuknya agar kembali ke arah kebaikan.

Pada awal kemasukannya di PRI, beliau bermuhasabah dan bertanya kepada diri sendiri kenapa keluarganya menghantar beliau ke PRI. Pada ketika itu, beliau menganggap bahawa keluarganya cuba untuk mengurung dan membuangnya. Ketika dalam proses kuarantin selama dua minggu, beliau merasa mental dan emosinya berada dalam keadaan yang agak teruk sedikit. Namun menurutnya, setelah melalui proses kuarantin dan proses rawatan yang lain seperti solat, mandi taubat dan zikir, timbul penyesalan dalam dirinya. Perubahan pada fizikalnya amat ketara sekali apabila beliau tidak lagi berasa sakit apabila tidak mendapat bekalan dadah. Jika dibandingkan dengan sebelum ini ketika beliau masih lagi menagih, seluruh badannya akan berasa sakit jika seminggu terputus bekalan dadah. Apa yang menarik, setiap kali teringat akan dadah, beliau akan terus mandi kerana baginya, mandi sangat membantu menyejuk dan menyegarkan badan selain ia mampu menghilangkan rasa ketagihan terhadap dadah.

Sebelum ini ketika beberapa kali cubaan untuk berhenti menagih, beliau akan mengalami sakit pinggang yang teruk sehingga tidak mampu bangun langsung. Tetapi, setelah menjalani beberapa proses rawatan di PRI, kesakitannya itu telah hilang dan beliau mampu menjalani aktiviti harian seperti bermain bola, bertahajud dan sebagainya dengan baik. Menurut beliau, mungkin disebabkan oleh keberkatan konsep taubat yang diamalkan di PRI, Allah bantu memudahkan proses pemulihan tersebut berjalan dengan lancar.

Walaupun berasa agak sukar untuk bangkit dari tidur seawal jam 3.00 pagi, namun penyakit mengantuk, malas dan sakit semuanya terasa hilang setelah selesai mandi taubat sebanyak 40 gayung. Menurut Pak Guru, mandi pada pukul 3.00 pagi itu membantu pesakit menghilangkan rasa ketagihan dengan cepat.³²

Hal yang demikian adalah kerana air yang masuk itu mengalir secara menyeluruh hingga ke kulit dan tulangnya. Maka kulit dan tulang yang telah kecut itu akan terbuka semula apabila terkena air yang sejuk. Ia berfungsi menghidupkan kembali liang-liang roma

³² Mohd Zuki bin Shafie (Pengasas Pondok Remaja Inabah (PRI), Kuala Nerang, Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 7 Oktober 2017.

yang telah mati sehinggalah air tersebut mengalir masuk ke dalam darah, kemudian saraf pernafasan dan terus menembus ke dalam otak. Asid-asid dadah yang berada di dalam tubuh pesakit juga dapat dikeluarkan dengan kaedah mandi ini. Tambahan lagi, keberkatan bacaan ayat al-Quran yang mempunyai mukjizatnya yang tersendiri juga membantu mempercepatkan proses pemulihan pesakit. Meskipun ketika bertahajud rasa sakit itu terasa kembali, namun beliau dapat melaksanakan amalan-amalan seperti solat-solat sunat, zikir dan sebagainya sehingga selesai. Beliau mengakui bahawa sukar untuk digambarkan apa yang beliau alami dan rasai sepanjang menjalani proses rawatan pemulihan kerana hal tersebut harus dilalui sendiri oleh pesakit.

Setelah menjalani ketiga-tiga kaedah rawatan pemulihan di PRI, beliau berasa mudah dan seronok dapat menunaikan solat sunat dan fardu secara berjemaah. Jika dibandingkan dengan keadaan sebelum ini, beliau sangat sukar untuk melaksanakan solat lima waktu. Namun setelah berada di PRI, bermula dengan paksaan lama kelamaan beliau menjadi rela dan sudah terbiasa melakukannya. Mengikut pengalamannya, proses rawatan tersebut sangat membantu dirinya memulihkan diri dari ketagihan tetapi sukar untuk menggambarkan keadaan tersebut. Menurutnya, ia perlu dipraktikkan bagi merasainya sendiri.

Setelah menjalani proses rawatan, beliau merasai bahawa perubahan yang sangat ketara berlaku ke atas dirinya. Semangatnya semakin meningkat. Jika dahulu sewaktu menagih dadah, beliau kerap berasa sakit pinggang serta tidak larat untuk bangun mandi dan sebagainya, namun setelah menjalani proses rawatan di PRI hampir 2 bulan, masalah tersebut tidak lagi terjadi ke atas dirinya walaupun beliau tiada bekalan dadah. Menurut beliau, selagi seseorang berdisiplin mengikut metode pengajaran dan program yang telah ditetapkan, seseorang bekas pesakit tidak akan mengambil dadah walaupun dicampakkan di hadapannya. Beliau juga secara peribadi menyatakan beliau tidak akan terlibat kembali dalam dunia dadah selagi mana beliau tetap mengikut kaedah pengajaran yang diajarkan di PRI walaupun setelah keluar dari sana. Tambahnya lagi, konsep taubat yang diamalkan setiap hari di PRI memupuk rasa takut kepada Tuhan dalam dirinya.

- **Responden 2**

Responden 2 berasal dari Kelantan berumur 40 tahun merupakan anak keenam daripada sepuluh orang adik beradik. Beliau telah menjalani rawatan pemulihan di PRI selama enam bulan. Bapanya merupakan seorang guru manakala ibunya pula adalah suri rumah sepenuh masa. Kesemua adik beradiknya telah berkahwin dan mempunyai keluarga masing-masing, kecuali dirinya sahaja yang masih bujang. Beliau terjebak dengan najis dadah ketika berumur 16 tahun iaitu semasa berada di tingkatan empat kerana terpengaruh dengan rakan-rakan sekolahnya.

Sebelum menjalani rawatan pemulihan PRI, beliau pernah tiga kali dihantar oleh ahli keluarganya ke pusat serenti dan beberapa pusat rawatan, namun beliau tetap menghisap dadah semula setelah keluar daripada pusat-pusat rawatan tersebut sehinggalah kini beliau ditempatkan di PRI. Ketika beliau berada dalam proses detoksifikasi,³³ fizikal dan mental beliau berasa sakit sehingga sukar untuk berdiri. Namun ketika menunaikan solat dan berzikir, beliau berasa sangat tenang kerana berasa dekat dengan Tuhan serta tidak lagi memikirkan tentang dadah. Tubuh badannya juga berasa segar setelah menjalani proses mandi taubat. Beliau menjelaskan bahawa keperluan melakukan ketiga-tiga amalan tersebut tanpa meninggalkan salah satu daripadanya bagi mendapatkan impak yang positif kepada diri.

Beliau turut mengakui bahawa perubahan positif telah berlaku dalam hidupnya apabila beliau menjadi orang yang sabar dan reda dengan apa yang berlaku. Jika nak dibandingkan dengan sebelum ini sewaktu keluarga menghantarnya ke PRI, beliau berasa sangat marah dengan tindakan tersebut. Namun, setelah hampir enam bulan berada di PRI, beliau sudah boleh menerima keputusan tersebut dan reda dengan tindakan ahli keluarganya. Beliau juga menegaskan bahawa selagi mana para pesakit berterusan mengamalkan kaedah-kaedah yang diajarkan di PRI

³³ Detoksifikasi ini adalah proses pengurangan, pengasingan atau kuarantin. Proses ini akan dikenakan kepada setiap anak bina yang baru memasuki PRI. Ia dijalankan selama 2 minggu yang pertama. Setiap anak-anak bina akan dikurung di dalam sebuah bilik batu yang berwarna hijau yang mana di dalamnya terdapat sebuah tandas. Anak bina dibiarkan sahaja di dalam bilik kuarantin tersebut selama 2 minggu berturut-turut dan tidak buat apa-apa. Hanya makan dan tidur sahaja.

setelah keluar nanti seperti solat dan zikir, mereka tidak mudah untuk terjebak kembali menagih dadah.

- **Responden 3**

Responden 3 berumur 17 tahun, merupakan anak bongsu daripada empat orang adik beradik yang berasal dari Pokok Sena, Kedah. Beliau hanya bersekolah sehingga di tingkatan tiga sahaja dan pada usia tersebut beliau sudah mula terlibat dengan gejala penagihan dadah. PRI merupakan tempat pertama beliau menjalani rawatan pemulihan. Beliau telah dihantar oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan kesepakatan ibu dan ayahnya ke PRI ketika usianya 17 tahun. Sehingga temu bual ini dijalankan, beliau telah berada di PRI hampir dua bulan lamanya.

Seawal beliau dikuarantin di PRI, beliau lebih gemar untuk bersendirian dan berasa tidak mahu bercakap dengan sesiapa. Beliau sangat tertekan dan memberontak kerana tidak mendapat bekalan dadah. Namun, setelah keluar daripada proses detoksifikasi dan melalui proses talkin bersama dengan Pak Guru, beliau sudah merasa selesa bersama dengan penghuni PRI lain. Beliau juga sudah mudah dan rajin untuk bangun solat fardu dan berqiamullail. Sekiranya beliau meninggalkan solat, beliau akan berasa gelisah.

Ketika berasa gian untuk menghisap dadah beliau akan tidur dan mandi kerana menurutnya, mandi sangat membantu menghilangkan rasa ketagihan dalam diri. Sewaktu permulaan mandi taubat, beliau berasa sukar untuk bangun seawal jam 3.00 pagi. Namun setelah selesai menjalani proses mandi taubat selama 40 hari, beliau berasa mudah kerana sudah terbiasa melakukannya. Menurutny, mandi taubat berfungsi membuang toksik-toksik di dalam tubuh badan dan menjadikan badan menjadi segar. Apabila mula berasa tertekan dan sedih, beliau akan berzikir walau di mana sahaja berada. Beliau berasa sangat tenang dan seolah-olah hilang segala masalah yang dihadapi. Antara tiga kaedah utama yang diamalkan, beliau menegaskan bahawa zikir adalah kaedah rawatan yang paling berkesan terhadap perubahan dirinya kerana baginya zikir berperanan mencuci kekotoran dalam hati dan mampu memberikan ketenangan kepada jiwa. Sikap untuk terus maju ke hadapan dapat dilihat apabila beliau menyatakan

hasratnya untuk mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setelah keluar dari PRI kelak.

- **Responden 4**

Responden 4 berasal dari Kota Bharu, Kelantan dan mempunyai seorang bapa yang berkhidmat sebagai seorang guru agama yang giat mengajar kuliah-kuliah agama di masjid dan surau. Ibunya pula seorang suri rumah sepenuh masa. Sejak beliau kecil, ayahnya sangat tegas dalam mendidik dan menitik beratkan soal disiplin serta pendidikan agama dalam diri anak-anak. Tetapi bagi beliau, kehidupan seperti itu adalah sangat mengongkong. Justeru, beliau sendiri telah memilih jalan kebebasan dan membawa diri daripada keluarga lalu tersasar jauh daripada landasan hidup yang sebenar. Beliau yang masih bujang ini berusia 37 tahun dan merupakan anak yang kelima daripada lapan orang adik beradik. Sejarah hitam dalam hidupnya bermula apabila beliau mula mencuba menghisap dadah ketika berumur 15 tahun iaitu selepas beliau selesai menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Setelah selesai menjalani rawatan pemulihan di PRI dalam tempoh masa lebih kurang setahun, kini beliau sedang berkhidmat sebagai pembantu di sana.

Sebelum memasuki PRI Kedah, beliau pernah ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara. Setelah itu, keluarganya telah menghantar beliau ke beberapa pusat serenti, Pengasih dan PRI Terengganu, namun beliau tetap kembali menagih dadah semula setelah keluar dari pusat-pusat rawatan tersebut. Salah satu faktornya adalah beliau tidak rela dan pergi dalam keadaan terpaksa.

Pada bulan pertama beliau berada di PRI, beliau tidak berasa apa-apa kerana terpaksa dan hanya mengikuti sahaja proses rawatan di sana. Namun, lama kelamaan beliau terbuka hati dan dapat melakukan kesemua kaedah rawatan pemulihan dengan sendiri tanpa arahan daripada pembantu di sana. Beliau mengambil masa sekitar tiga hingga empat bulan untuk mendapatkan ketenangan jiwa. Beliau bersungguh dalam melazimi solat. Apabila terlewat sedikit menunaikan solat, beliau sudah mula berasa gelisah.

Dengan tidak menganggap dirinya sebagai seorang penagih, ia dapat membantu psikologi beliau dalam meningkatkan harga

diri apabila berhadapan dengan masyarakat. Menurut beliau, seseorang penagih boleh mencari sesuatu perkara yang boleh menggantikan perasaan apabila tidak dapat bekalan dadah iaitu dengan amalan kerohanian dan melakukan aktiviti yang diminati.

Setelah menjalani proses rawatan solat dan zikir, perubahan sikap yang amat ketara berlaku ke atas dirinya. Impak positif jelas terserlah pada sikapnya yang sebelum ini beliau merupakan seorang yang pemaarah, pendendam dan suka mengambil kesempatan ke atas orang lain. Namun sekarang sifat-sifat negatif itu tidak ada lagi dalam dirinya. Mandi taubat pula berkesan dalam membantu menghilangkan rasa ketagihan dalam dirinya. Sehingga sesi temu bual ini, beliau masih tidak putus mengamalkan amalan mandi taubat walaupun beliau balik bercuti di rumah kerana sudah terbiasa melakukannya.

Beliau menegaskan ketiga-tiga kaedah rawatan utama tersebut perlu dilakukan beriringan dengan maksud tidak boleh meninggalkan salah satu daripadanya kerana semua kaedah rawatan tersebut mempunyai fungsi dan perannya yang tersendiri. Namun beliau menambah satu lagi pengisian dalam rawatan yang harus dilakukan bersama iaitu *khataman* yang merupakan himpunan doa-doa. Selain itu, beliau sentiasa bermuhasabah dan mengenal pasti kelemahan diri sendiri. Beliau juga berazam mematuhi pantang larang iaitu tidak berjumpa kembali dengan rakan-rakan lamanya. Beliau turut mengamalkan bacaan ayat kesepuluh dalam surah al-Fath setiap kali selepas solat sebagai suatu janji kita kepada Allah:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ۖ فَمَنْ نَكَثَ فِيمَا
يَنْكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَمَسِيئَتِهِ أَجْرًا عَظِيمًا

al-Fath 48: 10

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya dan sesiapa yang menyempurnakan apa

yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.

Penutup

Kesimpulannya ketiga-tiga kaedah rawatan asas pemulihan iaitu mandi taubat, solat dan zikir adalah sangat penting dilaksanakan bersama kerana setiap satunya mempunyai peranan dan kelebihan yang saling melengkapi antara satu sama lain dalam membantu merawat masalah sosial dan spiritual pesakit. Ia mesti dilakukan beriringan tanpa meninggalkan salah satu daripadanya. Kesan ketiga-tiga kaedah rawatan tersebut sama ada cepat mahupun lambat, ia bergantung kepada sikap pesakit terhadap rawatan pemulihan yang dijalankan dan kondisi diri pesakit itu sendiri. Namun begitu, sepertimana kenyataan yang diakui sendiri oleh Pak Guru sebagai pengetua dan pengasas Pondok Remaja Inabah (PRI), bahawasanya beliau menyatakan antara ketiga-tiga kaedah rawatan tersebut, mandi taubat merupakan kaedah utama dan terpenting dalam tempoh dua bulan awal proses pemulihan dijalankan. Hal ini kerana mandi seawal jam 3.00 pagi mampu menjadi terapi dan memberikan kesan baik yang cepat dalam membantu proses pemulihan ketagihan dadah dalam diri pesakit. Tegasnya di sini bahawasanya menjaga amalan-amalan ibadah seperti solat, zikir dan ibadah lainnya adalah sangat penting dalam diri setiap individu muslim sebagai perisai yang mengawal dan mengekang diri serta nafsu daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama Islam. Tambahan pula, ia mampu memberikan ketenangan ke dalam jiwa manusia yang sentiasa dahagakan kasih sayang daripada Tuhan. Fitrah diri setiap manusia itu adalah kembali kepada Tuhan dan agama, maka berdamping dengan Allah dan mempraktikkan segala ajaran agama dalam kehidupan merupakan medium utama mencapai ketenangan.

Bibliografi

- Abdul Rouf dan Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. "Tafsir Al-Azhar dan Tasawuf Menurut Hamka." *Jurnal Usuluddin* 38 (2013), 1-30.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad al-Sayyīd al-Sharīf. *Al-Ta'rīfat*. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, 1993.

- Ami Kamiludin. "Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah di Indonesia: Kajian di Pesantren Suryalaya, Indonesia." Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.
- Amin M. Z. M., Mohd Saiful Amri dan Abdulloh Salaeh. "Peranan Mujahadah dalam Terapi Psiko Spiritual: Analisis Terhadap Model Rawatan Penagihan Dadah Berlandaskan Quran dan Sunnah." Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019) anjuran FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia pada 8-9 Oktober 2019, 514-525.
- Bachrun Rif'i dan Hasan Mud'is. *Filsafat Tasawuf*. Bandung: Pustaka Setia, 2010.
- Badlihisam Mohd Nasir dan Othman Haji Talib. "Tasawuf dalam Gerakan Dakwah Tanahair." *Jurnal Usuluddin* Vol. 18 (2003), 1-24.
- Che Zarrina Saari. "Haji Muhammad Sa'id Bin Jamaluddin al-Linggi: Amalan dan Sumbangannya dalam Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia." *Jurnal Usuluddin* 15 (2002), 19-34.
- H. Muzakkir. "Tasawuf dalam Kehidupan Kontemporari: Perjalanan Neo-Sufisme." *Jurnal Usuluddin* Vol. 26 (2007), 63-70.
- Kosmo Online, "Kos Rawat Penagih RM778 Juta," http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0414&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_01.htm
- M. Solihin dan Rosihon Anwar. *Akhlak Tasawuf*. Bandung: Pustaka Setia, 2011.
- Mahmood Nazar Mohamed, Md Shuaib Che Din dan Ismail Ishak. "Traditional Methods in Rehabilitating Psychotive Drug Pependents in Malaysia: An Alternative Modality." Paper presented at the Korean Psychological Association 50th Anniversary Conference, Soeul, South Korea, 27-29 June 1996.
- Mohd Hefzan dan Muhammad Nubli. "Pembangunan Model Rawatan Psikospiritual untuk Meningkatkan Ciri Kepulihan Orang Kena Pengawasan: Satu Tinjauan Literatur." *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Issue 5, Vol. 1 (2019), 74-88.

- Mohd Naim. “Statistik Dadah 2010-2016,” laman sesawang *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-penyalahgunaan-dadah.
- Mstar, “RM35 Sehari Rawat Seorang Penagih Dadah - KDN,” <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/03/31/rm35-sehari-rawat-penagihdadah/#Ydxw8OMopWT76pbT.99>
- Muh. Gitosaroso. *Syari'at dan Tarekat dalam Perspektif Jama'ah: Studi atas Jama'ah Tarekat Haq Naqsyabandiyah di Kota Pontianak*. Pontianak: IAIN Pontianak, 2017.
- Muhamar Yazil Mahmud. “Program Rawatan dan Pemulihan Dadah di Pusat Serenti.” *Malaysian Journal of Social Administration* 2 (2003).
- Muhammad Yusuf Khalid. “Psycho-Spiritual Therapy Approach for Drug Addiction Rehabilitation.” *Jurnal Antidadah* (2008).
- Nordi Archie. *Fitnah Sufi: Fatamorgana Tasawuf Fenomena Tarekat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2012.
- Nur Anom Mubarak. *Suryalaya dalam Lintasan Sejarah*. Tasik Malaya: IAILM, 1990.
- Nursyahidah, Syed Mohammad Hilmi dan Muhammad Hazim. “Pengamalan Tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyah (TQN) dalam Tasawuf Sebagai Rawatan Psikospiritual Bagi Penagihan Dadah dan Alkohol.” *Jurnal Qalbu* 5.7 (Jun 2018): 163-189.
- Rosni Waziret., et. al. “Pencegahan Dadah dalam Kalangan Belia Berisiko Melalui Elemen Penghayatan Akidah.” *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* Vol. 5 No. 2 (2020), 415-424.
- Sudirman Abdul Fatah. “Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu.” Tesis Kedoktoran, Universiti Malaysia Terengganu, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, 2009.